

15 OCT 2003

NASIHAT PM MAHU VETERAN BN UNDIR WAJAR JUGA DICONTOHI PEMBANGKANG

MELAKA, 15 Okt (Bernama) -- Nasihat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar ahli politik veteran dalam Barisan Nasional (BN) yang memegang jawatan supaya berundur dan memberi laluan kepada muka baru wajar juga diikuti oleh pemimpin pembangkang.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata, ramai pemimpin veteran pembangkang yang sudah uzur tetapi ingin bertanding terutama beberapa pemimpin PAS di Kelantan dan Terengganu.

Beliau berkata antara pemimpin pembangkang yang patut berundur ialah Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan anggota Parlimen Sik, Datuk Shahnnon Ahmad.

" Saya fikir nasihat Perdana Menteri itu ikhlas bukan sahaja kepada pemimpin Umno, BN dan ramai juga pemimpin (veteran) pembangkang di Kelantan dan Terengganu masih nak jadi calon," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di Seri Negeri, di sini hari ini.

Dr Mahathir dalam satu temu bual dengan Bernama semalam dilaporkan berkata pemimpin veteran BN perlu memberi peluang kepada muka baru dan membantu kempen bagi menjamin kemenangan calon baru itu pada pilihan raya umum akan datang.

-- BERNAMA

NO BK